

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016****1103/2 (PP)**

Bahasa Melayu

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Ogos 2016

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA****AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**Markah penuh : 110 markah****Soalan 1**

Markah pernah 30 dibahagi kepada:

( a ) Isi - **20** markah

( b ) Bahasa - **10** markah

**( a ) Isi [ 20 markah ]**

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- Nama khas
- Perkataan berulang
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon **setakat 120 perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Menyalin bulat-bulat , 0 markah.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										<b>2</b>
	Jumlah Markah									<b>20</b>

### Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan (2 markah ) Markah

P1	Petikan membincangkan punca-punca/sebab-sebab berlakunya longgokan sampah di Malaysia/di negara kita	2
P2	Petikan membincangkan punca-punca/sebab-sebab berlakunya longgokan sampah dan beberapa cara menangani masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal	2
P3	Rumusan ini membincangkan punca-punca/sebab-sebab berlakunya longgokan sampah dan kesan-kesan longgokan sampah.	2
P4	Petikan / Rumusan ini membincangkan punca-punca/sebab-sebab berlakunya longgokan sampah.	1
P5	Petikan membincangkan faktor-faktor berlakunya longgokan sampah di Malaysia/di negara kita.	0

<b>IsiTersurat [ 4 hingga 12 markah ]</b>	
<b>Faktor-faktor berlakunya longgokan sampah</b>	
S1	Sistem kutipan sampah tidak sempurna
S2	Orang ramai gagal menguruskan sampah mereka 1m / dan tidak melupuskannya mengikut cara yang betul 1m
S3	Amalan penggunaan pinggan manguk dan bungkusan pakai buang semakin berleluasa
S4	Bahan pembungkusan barang dibuang begitu sahaja
S5	Pihak yang dipertanggungjawab untuk mengutip dan melupuskan sampah tidak menjalankan tugas secara berkesan
S6	Masyarakat kita gemar membeli barang baru dan membuang barang lama
S7	Tempat pengumpulan bahan kitar semula yang ada di seluruh negara tidak mencukupi
S8	Masyarakat tidak ada kesedaran akan pentingnya menjaga alam sekitar

<b>Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)</b>	
<b>Kesan-kesan longgokan sampah.</b>	
T1	Pencemaran alam sekitar berlaku
T2	Persekutaran menjadi kotor
T3	Kawasan tersebut menimbulkan bau yang busuk
T4	Pengguna menghirup udara tidak segar
T5	Tempat longgokan sampah menjadi tempat pembiakan lalat, nyamuk dan serangga perosak
T6	Penyakit berjangkit mudah merebak
T7	Pemandangan persekitaran terjejas
T8	Imej Negara terjejas
(Isi-isi tersirat yang lain diterima sekiranya sesuai dan dapat dipayungkan di bawah jawapan T1-T8	

<b>Penutup (2 markah)</b>	
K1	Kesimpulannya, semua pihak / anggota masyarakat haruslah bekerjasama mengatasi masalah longgokan sampah agar dapat menjamin kebersihan persekitaran.
K2	Kesimpulannya, semua pihak / anggota masyarakat haruslah bekerjasama memastikan sampah diuruskan dengan sempurna agar dapat menghindari pelbagai penyakit
K3	Kesimpulannya, semua pihak / anggota masyarakat haruslah

	bekerjasama mempastikan sampah diuruskan dengan sempurna.	
--	---	--

(b) **Bahasa** (10 markah )

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
<b>Baik</b>	18-20 15-17	9-10 7-9	- Kesinambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca / ejaan betul
<b>Sederhana</b>	12-14 8-11	6-7 4-6	- Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca / ejaan juga memuaskan
<b>Lemah</b>	1-7	1-4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi patah perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada **120 patah perkataan**, berikan **kosong** markah.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120 patah perkataan**, markah tidak dipotong.

[ Markah bahasa, **maksimum: 10 markah** ]

### Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

#### **Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** dari teks dan jawapan **betul**, berikan **separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

#### **Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

##### **1. Soalan 2 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

##### **2. Soalan 3 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup dan tidak lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

##### **3. Soalan 4 markah:**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

- (i) Berikan maksud rangkai kata *semakin serius* [2 markah]  
 Maksud rangkai kata *semakin serius* ialah: markah

P1-	menjadi/bertambah meruncing/parah/genting/berat/teruk/tenat	2m
P2-	menjadi/bertambah serius	1m
P3-	semakin parah/genting/berat/teruk/tenat	1m
P4-	semakin serius	0

**[Maksimum : 2 markah]**

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa cara menangani masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal.

- P1 - Kerajaan seharusnya menguatkusakan larangan penggunaan polisterina dan beg plastik kerana penguraiannya memakan masa yang sangat lama.  
 P2- Amalan kitar semula dilaksanakan dalam kalangan rakyat  
 P3- Tong kitar semula disediakan di banyak tempat dan ada pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskannya secara berkesan  
 P4- Masyarakat perlu segera beralih kepada penggunaan bahan mesra alam

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

- (iii) Kerajaan mengadakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Sabtu. Pada pendapat anda, bagaimanakah kempen ini dapat dijayakan dengan lebih berkesan?

Berikan **tiga** cara

- P1 - Organisasi-organisasi dan pasar raya besar seperti Giant, Tesco, SpeedMart, 7-Eleven dan lain-lain haruslah menyertai dan memberikan sokongan berterusan dengan tidak menyediakan beg plastik pada setiap hari Sabtu. [1+1]

- P2- Pasar raya mengenakan bayaran sebanyak 20 sen bagi sekeping beg plastik kepada pengguna yang memerlukannya agar pengguna membawa sendiri beg membeli-belah bagi menjimatkan wang mereka. [1+1]

- P3- Media massa menyiarkan iklan keburukan menggunakan beg plastik agar menimbulkan kesedaran kepada pengguna [1+1]

- P4- Media massa menyiarkan rencana pembuatan beg plastik daripada minyak agar memberikan kesedaran kepada pengguna bahawa lebih banyak plastik kita gunakan hari ini, berkuranglah bekalan minyak kita pada masa hadapan. [1+1]

- P5- Pengguna membawa sendiri beg membeli-belah / beg mesra alam agar tidak menggunakan beg plastik ketika berbelanja di pasar raya. [1+1]

- P6- Pihak sekolah/NGO mengadakan ceramah tentang keburukan penggunaan beg plastik yang menimbulkan pelbagai kesan buruk kepada alam sekitar seperti sukar dihapuskan, menyebabkan berlaku peresapan air yang mengakibatkan banjir, dan merosakkan kesuburan tanah. [1+1]

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen**

(i) Persamaan antara Hakim dan dengan datuknya, Kaduk ialah:

- |   |    |
|---|----|
| P1- mereka sama-sama membela ayam                     | 1m |
| P2-mereka sama-sama menggadai tanah                   | 1m |
| P3-mereka sama-sama di bawah cengkaman orang berkuasa | 1m |

**[ 2 markah]**  
**[Pilih mana-mana 2 isi]**

(ii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan ialah

- P1- mengutamakan pembayaran hutang berbanding keperluan lain.
- P2- membayar hutang mengikut jadual yang ditetapkan
- P3- berbincang semula dengan pihak peminjam untuk memanjangkan tempoh bayaran
- P4- mendapatkan khidmat nasihat agensi kewangan
- P5- meminta nasihat dan bantuan ahli keluarga/rakan

**[Maksimum: 3 markah]**  
**[isi cukup 2 isi]**

(iii) **Satu** latar masyarakat dalam petikan

P1- Latar masyarakat yang dibebani hutang  
Contohnya, Hakim terpaksa berhutang dengan pihak bank untuk meneruskan kerja-kerja menternak ayamnya. [1+1]

P2- Latar masyarakat yang menindas golongan yang lemah.  
Contohnya, Pihak bank telah merampas tanah Hakim tidak ubah seperti Raja merampas tanah datuk Hakim dahulu. [1+1]  
**Pilih mana-mana 1 isi**

**Satu** latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen

P1-Latar masyarakat yang suka membantu orang lain  
Contohnya, Azam telah membantu Hakim mendapatkan tanah Pak Kaduk iaitu Datuk Hakim yang terlepas ke tangan raja suatu masa dahulu. [1+1]

P2- Latar masyarakat yang setia kawan  
Contohnya, Azam sahabat Hakim sentiasa menyokong tindakan Hakim untuk mencapai cita-citanya untuk menjadi penternak ayam yang berjaya. [1+1]

P3- Latar masyarakat yang tabah menghadapi cabaran.

Contohnya, Hakim terus bersabar dan tabah menghadapi masalah dalam mengusahakan reban ternakan ayamnya seperti masalah bayaran hutang, masalah upah, untung sedikit, dan sebagainya. [1+1]

P4- Latar masyarakat yang bertanggungjawab kepada keluarga  
 Contohnya, Hakim bertanggungjawab menebus kembali tanah datuknya kerana  
 menganggap datuknya telah teraniaya. [1+1]

P5- Latar masyarakat yang terpelajar  
 Contohnya, Azam merupakan lulusan undang-undang yang banyak menolong  
 hakim mendapatkan kembali haknya melalui proses perundangan mahkamah. [1+1]

**Pilih mana-mana 1 isi**  
**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional**

(i) Maksud rangkai kata sungguhlah tuan keramat ialah:

- |   |    |
|---|----|
| P1- sungguhlah tuan hebat                                   | 1m |
| P2- patutlah Tuan Sid Arab keramat                          | 1m |
| P3- Tuan Sidi Arab benar-benar mulia/hebat/warak/soleh/suci | 2m |
- [ 2 markah]**

(ii) Tindakan Tuan Sidi Arab ialah:

- P1- Tuan Sidi Arab berdiri di hadapan Sultan Muzaffar Shah  
 P2- Tuan Sidi Arab menghalakan panahnya ke benua Siam  
 P3- Tuan Sidi Arab berkata matilah engkau Cau Pandan

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup 2 isi]**

(iii) Kepentingan khidmat pakar dalam sistem pertahanan sesebuah negara ialah:

- P1- mampu merancang strategi pertahanan  
 P2- mengemas kini sistem persenjataan  
 P3- menaik taraf sistem radar keselamatan  
 P4- menggerakkan operasi ketenteraan  
 P5- melatih anggota menggunakan kaedah teknologi moden

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup 2 isi]**

**Soalan 2 (d) : Seloka**

(i) Istana raja dapat dibina dengan:

- |   |    |
|---|----|
| P1- baginda menitahkan orang besar empat membina istana | 1m |
| P2- orang besar empat memanggil Pawang Raja             | 1m |
| P3- Pawang Raja memanggil 40 orang tukang dan utas      | 1m |
| P4- 40 orang bertukang siang dan malam                  | 1m |

**[Maksimum : 2 markah]**

(ii) Usaha-usaha yang dapat dilakukan ialah:

P1- mewujudkan kelas/sekolah/institut kemahiran pertukangan

P2- melantik pakar yang sedia ada sebagai jurulatih/ penasihat

P3- kemahiran seni bina didokumentasikan/dibukukan

P4- mengadakan pertandingan berkaitan berkaitan dengan kemahiran pertukangan

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

(iii) Nilai

P1- nilai ketiaatan/kesetiaan

Contohnya, orang besar empat menjunjung titah raja untuk membina dan menyiapkan sebuah istana yang dikelilingi parit dan tembok.

[1+1]

P2 - Nilai kerajinan

Contohnya, 44 tukang yang mahir begitu rajin untuk menyiapkan istana raja dengan sanggup bekerja siang dan malam.

[1+1]

P3- Nilai kerjasama

Contohnya, 44 tukang bekerjasama dan saling membantu untuk menyiapkan istana raja

[1+1]

P4- Nilai bertanggungjawab

Contohnya, 44 orang tukang yang mahir bertanggungjawab untuk menyiapkan istana raja

[1+1]

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

### Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : **6** markah
- Soalan 3(b) : **6** markah
- Soalan 3(c) : **6** markah
- Soalan 3(d) : **6** markah
- Soalan 3(e) : **6** markah

#### **Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacaan.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.

#### **Jawapan 3 (a) – Bina ayat**

- (i) **pilih**  
Maksud : isih/sisih, saring, tapis  
Ayat: **Pilih** perkataan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.
- (ii) **pilihan**  
maksud : yang telah dipilih, hasil memilih, yang terbaik  
Ayat : Amira Syakilla merupakan calon menantu **pilihan** Datin Normah.
- (iii) **pemilihan**  
Maksud : hal atau perbuatan memilih  
Ayat: **Pemilihan** Ariff sebagai ketua kelas 5 Tuah tidak disukai oleh Amin.
- (iv) **tukar**  
Maksud: alih, ubah, pindah, ganti  
Ayat : “**Tukar** baju adik yang yang sudah kotor itu,” kata emak.
- (v) **tukaran**  
Maksud: sesuatu yang ditukar/diganti  
Ayat: “**Tukaran** syiling dua puluh sen bagi RM 1.00 ialah lima keping,” kata Zainal kepada Jamil.
- (vi) **penukaran**  
Maksud: perihal menukar ( mengubahkan / pemindahan , memindahkan / pemindahan ,menggantikan / penggantian )  
Ayat : **Penukaran** hak milik tanah Haji Salleh kepada isterinya itu telah tertulis dalam wasiatnya.

**[Maksimum : 6 markah]**

### **Jawapan 3 (b) Menukar Ayat – Cakap Ajuk kepada Cakap Pindah**

- (i) Alia memberitahu sahabat baiknya Julia bahawa dia bercadang untuk menyertai pertandingan nyanyian yang dianjurkan oleh sebuah syarikat rakaman.
- (ii) Julia menyokong hasrat Alia itu dengan menyatakan bahawa dia tahu suara Alia memang merdu dan perlu diketengahkan.
- (iii) Alia menyatakan kebimbangannya sekiranya ibu bapanya tidak mengizinkannya menyertai pertandingan itu / tersebut
- (vi) Alia meminta pandangan Julia tentang cara dia hendak mendapatkan keizinan daripada ibu bapanya.
- (v) Julia memberi cadangan kepada Alia agar memberitahu ibu bapanya bahawa dia mempunyai harapan untuk menang dalam pertandingan itu dan berjanji akan menjaga nama baik diri dan keluarganya.
- (vi) Alia bersetuju dengan cadangan Julia itu dan menjelaskan bahawa dia akan mencuba cadangan yang diberikan oleh Julia itu.

**[Maksimum : 6 markah]**

### **Jawapan 3 (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- (i) Kesalahan imbuhan : **diberi- diberikan**  
Kesalahan ejaan : **Deligasi- delegasi**
- (ii) Kesalahan imbuhan : **memikulkan - memikul**  
Kesalahan ejaan : **karisme- karisma**
- (iii) Kesalahan imbuhan : **menjanjikan-dijanjikan**  
kesalahan ejaan : **berlipatganda – berlipat ganda**

**[Maksimum : 6 markah]**

### **Jawapan 3 (d) Kesalahan kata atau istilah dan tatabahasa**

- (i) Kesalahan kata/istilah : **tersangkut - tersekat**  
Kesalahan tatabahasa : **di dalam – ke dalam**
- (ii) Kesalahan kata/istilah: **tolong-menolong- gotong-ropong**  
Kesalahan tatabahasa: **di kalangan – dalam kalangan**
- (iii) Kesalahan tatabahasa : **lain-lain faktor – faktor-faktor lain**  
kesalahan kata/istilah : **persekolahan - pembelajaran**

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3 (e) Peribahasa**

- (i) **kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya / jika tidak dipecah ruyung di mana boleh mendapat sagu**
- (ii) **Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai**
- (iii) **berjalan peliharakan kaki, berkata peliharakan lidah**

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 4**  
Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- (a) i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri **1** markah bagi setiap pernyataan nilai tanggungjawab
- iv) Beri **1** markah bagi setiap huraian / contoh yang lengkap / jelas
- v) Markah isi maksimum 4
- vi) Markah bahasa maksimum 3
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik	:	3 markah
Sederhana	:	2 markah
Lemah	:	1 markah

- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

**[ Maksimum: 7 markah]**

- (b) i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap
- iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa kepincangan masyarakat
- iv) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan tentang kepincangan masyarakat
  - 1 markah bagi novel JM
  - 1 markah bagi novel SBE
- v) Markah isi maksimum 6 ( maksimum 3 markah bagi setiap novel )
- vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik	:	2 markah
Lemah	:	1 markah

- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

**[ Maksimum: 8 markah]**

4 (a) Contoh nilai tanggungjawab yang terdapat dalam novel ialah:

### **Novel Jendela Menghadap Jalan**

**1. Tanggungjawab seorang anak mematuhi perintah ibu bapa.**

Contohnya, Lili begitu taat akan suruhan dan perintah ibu bapanya apabila dia mengikut sahaja suruhan ibunya untuk pulang bercuti di kampung kelahiran ibunya di Dungun.

[1+1]

**2. Tanggungjawab membantu menyelesaikan kes keganasan rumah tangga.**

Contohnya, Lili bersedia untuk menjadi saksi kes keganasan rumah tangga Che Jah yang sering dipukul oleh suaminya, Seman atas sikap tanggungjawab terhadap anggota masyarakat walaupun dilarang oleh neneknya supaya tidak masuk campur tangan

[1+1]

**3. Tanggungjawab mempertahankan maruah ibu.**

Contohnya, Lili bertanggungjawab mempertahankan maruah ibu di hadapan datuknya apabila datuknya bercerita tentang sesuatu yang tidak baik berkaitan dengan ibunya.

[1+1]

**4. Tanggungjawab menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat**

Contohnya, Lili dan Danel bertanggungjawab menyelesaikan isu pemasangan kubah surau yang menjadi pertelehan mayarakat di Kampung Sentosa.

[1+1]

**5. Tanggungjawab mempertahankan perubatan tradisional**

Contohnya, datuk Lili, Hj. Abd. Rahman berusaha mempertahankan perubatan tradisional yang diamalkannya walaupun terdapat pelanggannya yang telah beralih kepada kaedah rawatan moden.

[1+1]

**6. Tanggungjawab menyelamatkan rakan yang ditahan di sebuah pondok buruk**

Contohnya, Danel berusaha dan berikhtiar menyelamatkan Lily yang telah diculik dan ditahan oleh Haziq dan Rafiq, anak-anak Che Jah serta disembunyikan di sebuah pondok buruk walaupun keselamatan dirinya terancam

[1+1]

**7. Tanggungjawab seorang Muslim terhadap agamanya**

Contohnya, Haji Abdul Rahman, datuk Lili sentiasa menunaikan solat fardu secara berjemaah sama ada di rumah atau di surau / nenek Lili juga segera bersolat apabila masuk waktu solat.

[1+1]

### **Novel Songket Berbenang Emas**

**1. Tanggungjawab menjaga adik-adik**

Contohnya, Dahlia sebagai anak sulung dalam keluarga, bertanggungjawab menjaga adik adiknya yang lain sepanjang emaknya menerima rawatan di hospital.

[1+1]

**2. Tanggungjawab sebagai seorang pelajar**

Contohnya, Dahlia tetap membuat persediaan dengan membaca buku untuk menghadapi STPM walaupun berada di balai raya yang menjadi pusat bantuan banjir apabila rumah mereka musnah akibat banjir.

[1+1]

**3. Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa**

Contohnya, Dahlia amat menyayangi ibu bapanya dan berusaha melawat ibunya yang sedang menerima rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru sehingga sanggup mengeluarkan wang biasiswanya untuk membayar tambang bas. Dahlia juga bertanggungjawab membawa adik bongsunya, Anggerik ke Hospital Batu Pahat untuk melawat bapanya yang dimasukkan ke hospital akibat dipatuk ular.

[1+1]

**4. Tanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan**

Contohnya, Doktor Ridhuan bersikap amanah dalam menjalankan tugasnya sebagai pegawai perubatan kesihatan dengan berusaha mengenalpunca dan kaedah penyelesaian untuk mengubati penyakit kemurungan Saleha yang sedang menerima rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru.

[1+1]

**5. Tanggungjawab suami terhadap isteri**

Contohnya, Embong sebagai seorang suami, mengambil berat terhadap kesihatan isterinya, Saleha dengan membenarkan Haji Sulaiman tiga orang kakitangan Hospital Batu Pahat mengambil isterinya untuk rawatan pemulihan.

[1+1]

**6 Tanggungjawab seorang ayah terhadap anak-anak**

Empong bertanggungjawab menjaga anak-anaknya sebanyak enam orang tatkala isterinya, Saleha sedang menerima rawatan pemulihan di Hospital Permai, Johor Bahru.

[1+1]

**7. Tanggungjawab ketua terhadap anggota masyarakatnya**

Contohnya, Hj. Sulaiman, selaku Ketua Kampung dan Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bertanggungjawab membawa tiga orang kakitangan Hospital Batu Pahat untuk membawa Saleha ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut.

[1+1]

- 4 (b) Satu peristiwa tentang kepincangan masyarakat yang terdapat dalam setiap novel.

**Novel Jendela Menghadap jalan**

- Peristiwa** anak-anak Che Jah iaitu Rafiq dan Haziq terlibat dengan penagihan dadah dan sering mencuri barang-barang di rumah mereka termasuk barang kemas ibu mereka Che Jah untuk membeli dadah sehingga pernah dimasukkan ke penjara dan pusat tahanan juvana atas kesalahan juvana yang pernah dilakukan sebelum ini.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat tentang keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja /anak muda yang terlibat dengan najis dadah

1m

- Peristiwa** Che Jah hidup menderita akibat sering menjadi mangsa sepak terajang suaminya, Seman yang bersifat panas baran, kaki judi dan pemabuk.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat yang melakukan keganasan dalam rumah tangga.

1m

3. **Peristiwa** Seman sebagai seorang ayah yang mengabaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dan menyebabkan anak-anaknya, Haziq dan Rafiq menjadi nakal serta terlibat dalam penagihan dadah jenis syabu. Seman juga sering memarahi dan memukul anak-anaknya.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat tentang seorang bapa yang kejam dan tidak bertanggungjawab.

1m

4. **Peristiwa** penduduk Kampung Sentosa tidak sepakat dan bertelagah dalam isu pemasangan kubah iaitu sama ada meletakkan kubah pada bumbung surau yang telah usang atau pada bumbung masjid yang belum dibina.

2m

**Pernyataan :** Kepincangan masyarakat yang tidak bersepakat dalam melaksanakan isu-isu penting di kampung.

1m

5. **Peristiwa** suami Che Jah, Seman telah mencuri kubah baharu di kampung itu dan telah ditangkap serta dibawa ke balai polis oleh penduduk kampung

2m

**Pernyataan :** Kepincangan masyarakat yang melakukan jenayah

1m

6. **Peristiwa** sekumpulan pemuda datang dengan marah-marah sambil mengarak sepanduk dan melaungkan "Haji Abdul Rahman pengkhianat bangsa!" di halaman rumah datuk Lili kerana menganggap datuk Lili melindungi penjenayah Hafiq dan Raziq.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat yang membuat tuduhan tanpa usul periksa

1m

7. **Peristiwa** datuk Lili pernah membantu Seman dengan memintanya melakukan kerja di kebun tetapi hasil kebun tersebut tidak diserahkan kepada datuk Lili sebaliknya telah dijual oleh Seman.

2m

**Pernyataan :** Kepincangan masyarakat yang tidak amanah

1m

### Novel Songket Berbenang Emas

1. **Peristiwa** Aton sering menyindir Dahlia sebagai gadis yang tidak baik, malah Aton telah menyindir dan memfitnah Dahlia sebagai perempuan yang rendah akhlak semasa mereka bersama-sama menyediakan hidangan untuk Majlis Maulidur Rasul peringkat Parit Haji Rais./ Seman memfitnah adik iparnya, Embong kepada ibunya, Nek Kiah yang dikatakan menjadi punca Saleha menjadi Embong.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat yang sering menyindir dan menabur fitnah

1m

2. **Peristiwa** Nek Kiah datang ke rumah Embong dan menggunakan kapur untuk menggores pintu dengan tanda pangkah yang bertujuan untuk mengelakkan hantu masuk ke dalam rumah./peristiwa Nek Kiah mengarahkan anak muda segera mengangkat Said di tebing sungai dan dibawa keliling rumah sebanyak tujuh kali untuk memastikan Said kembali bernyawa, namun usaha itu gagal.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat yang mempercayai kepercayaan karut

1m

4. **Peristiwa** Dahlia bergegas ke tebing sungai apabila mendengar jeritan bahawa Said, anak Aton tenggelam di dasar sungai dan Dahlia berusaha terjun untuk mencari dan menyelamatkan Said yang tenggelam di dasar sungai walaupun arus sungai deras. Malangnya Aton telah memaki hamun Dahlia di hadapan orang kampung dan menuduh Dahlia membunuh anak lelaki tunggalnya, Said.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat yang tidak tahu menghargai jasa dan pengorbanan orang lain terhadap keluarganya

1m

5. **Peristiwa** Seman sanggup memujuk dan mencadangkan emaknya, Nek Kiah agar menjual tanah pusaka seluas lima ekar termasuk tanah tapak rumah Embong sekarang. Nek Kiah bersetuju untuk menjual tanah pusaka itu lantaran harganya mahal, iaitu lima belas ribu seekar tanpa mempedulikan nasib Embong dan anak-anaknya. Nek Kiah juga sanggup menghalau Dahlia agar segera berpindah dari tapak sedia ada kerana tanah itu akan dijual.

2m

**Pernyataan:** Kepincangan masyarakat yang tidak mementingkan hubungan Kekeluargaan

1m

6. **Peristiwa** Nek Kiah memandang hina dan meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap Embong yang dikatakan membawa nasib malang terhadap anaknya, Saleha sejak mereka berkahwin hingga mempunyai enam orang anak.

2m

**Pernyataan :** Kepincangan masyarakat tentang ahli keluarga yang memandang rendah terhadap keluarga yang lain

1m

7. **Peristiwa** Abu Bakar, anak lelaki tunggal Embong yang tiga hari tidak pulang ke rumah dan sering melepak dengan kawan-kawannya di luar serta tidak mau mendengar nasihat ayahnya, Embong dan kakaknya, Dahlia.

2m

**Pernyataan :** Kepincangan masyarakat remaja yang sering terpengaruh dengan rakan sebaya

1m

#### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT